

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN TERHADAP PELAJAR PEKAK DI KOLEJ VOKASIONAL

Muhammad Sayuti Sabdan¹

*Norlidah Alias²

Zulkifly Mohd Yusoff³

Nazean Jomhari⁴

¹Institute for Advance Studies,
Universiti Malaya

²Faculty of Education, Universiti Malaya

³Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya

⁴Faculty of Computer Science & Information Technology,
Universiti Malaya

*drnorlidah@um.edu.my

Abstract

Qur'an education for deaf students in Vocational Colleges is based on the Standard Curriculum of the Vocational College of Islamic Education which includes recitation, comprehension, and memorization. However, the implementation of the Quran in Vocational Colleges is more specialized to typical students than to deaf students themselves. The purpose of this article is to discuss the issues and challenges faced by teachers of Islamic education with hearing problems in the teaching and learning of the Qur'an, especially deaf students in Vocational Colleges. There are four challenges faced by the al-Quran teachers, which are the implementation of the Standard Curriculum of the Vocational College of Islamic Education, al-Quran pedagogy skills, basic skills of vocal students, and the application of technology-based teaching aids for deaf students. Researchers also suggested that the basic theory of al-Quran teaching skills for visual problems is suitable to be applied to Islamic education teachers of al-Quran study of hearing problems in Vocational Colleges. This theory covers basic skills such as recognizing, memorizing, and reading. Hence, this article can help teachers of Islamic education with hearing problems in solving the problems faced by them especially in teaching and learning of the Qur'an for deaf students of vocational streams.

Keywords: Quranic pedagogy, deaf student, vocational colleges

PENGENALAN

Perkembangan kurikulum semakin berkembang dari masa ke semasa. Penstrukturkan kurikulum adalah bergantung kepada permintaan dan keperluan sesebuah negara itu (Norlidah Alias, 2010) yang merangkumi politik, ideologi, perkembangan teknologi serta pedagogi (Aslan, 2019).

Kurikulum ini dibina bertujuan untuk merancang dan menyusun pengajaran dan pembelajaran dari aspek objektif, kaedah, bahan bantu mengajar serta penilaian (Sahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd Zohir Ahmad, 2007). Manakala kurikulum pendidikan Islam adalah bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah. Ia bersifat holistik, merangkumi rohani dan jasmani yang dapat membentuk individu, keluarga, masyarakat, dan negara (Aslan, 2019; Sidik Baba, 2006).

Perkembangan kurikulum pendidikan khas di Malaysia telah dibentuk dan disusun berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025). Menurut Masitah Hayati Md Isa dan Suhaida Abdul Kadir (2014) terdapat tiga pecahan bagi pendidikan khas iaitu;

- a) Sekolah pendidikan khas yang mempunyai masalah penglihatan dan pendengaran.
- b) Program pendidikan khas integrasi iaitu pelajar pendidikan khas yang bersekolah di sekolah aliran perdana.
- c) Program pendidikan inklusif iaitu pelajar pendidikan khas yang dimasukkan ke kelas dan sekolah aliran perdana.

Manakala program bagi Tingkatan 4 Pendidikan Khas terdiri daripada tiga bahagian iaitu Akademik, Vokasional dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA). Kolej Vokasional Keningau merupakan kolej vokasional yang menyediakan program PPKI untuk pelajar pekak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019a). Menerusi program ini, pelajar pekak juga tidak ketinggalan dalam aspek akademik dan vokasional termasuklah subjek pendidikan Islam. Pembentukan kurikulum yang baharu telah memberi ruang kepada pelajar pekak mendalami ilmu berkaitan dengan al-Quran dengan lebih mendalam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Pada peringkat sekolah rendah, pelajar pekak mempelajari ilmu al-Quran dengan menggunakan kaedah Fakih iaitu berasaskan nombor dan warna (Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Zulkifli Mohd Yusoff, & Nazean Jomhari, 2020; Nor ‘Aziah Mohd Daud, 2012). Seterusnya, di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional, pelajar pekak mempelajari al-Quran dengan menggunakan kaedah Iqra’. Kaedah ini juga diaplikasikan terhadap pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dan penglihatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019c). Manakala di Kolej Vokasional pula pelajar pekak mempelajari ilmu pendidikan al-Quran menggunakan modul pendidikan Islam sama seperti pelajar normal aliran kemahiran yang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b). Oleh itu, pelaksanaan kaedah pendidikan al-Quran untuk pelajar pekak adalah berbeza di setiap peringkat institusi di negara ini.

Pelaksanaan Kurikulum Standard Kolej Vokasional Pendidikan Islam terhadap pelajar pekak Pendidikan al-Quran merupakan salah satu bidang pengajian yang wajib dipelajari oleh setiap Muslim. Mempelajari ilmu pengajaran al-Quran juga memerlukan sokongan dan bimbingan daripada masyarakat Muslim yang lain. Ia adalah bertujuan untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah S.W.T serta dapat mendekatkan diri kepada agama Islam (Zulfadhli Zafik & Jawiah Dakir, 2014). Menurut Mohd Aderi Che Noh (2011), terdapat empat langkah yang diterapkan oleh Rasulullah S.A.W dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran, iaitu;

- a. Membaca al-Quran secara *talaqqi musyafahah*.

- b. Memberi penerangan berkenaan dengan makna ayat-ayat suci al-Quran.
- c. Menghafal al-Quran melalui penulisan dan hafalan.
- d. Mengamalkan ajaran yang terdapat di dalam al-Quran.

Pelaksanaan pendidikan al-Quran terhadap pelajar pekak semakin mendapat perhatian di setiap institusi. Pada peringkat institusi seperti kolej vokasional adalah menggunakan kurikulum sedia ada iaitu Kurikulum Standard Kolej Vokasional Pendidikan Islam. Pelaksanaan dan pembentukan kurikulum ini adalah bertujuan untuk membentuk jati diri seorang Muslim berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ia merangkumi bidang al-Quran, hadis, akidah, fikah, sirah, tokoh, dan akhlak. Pengajian dalam bidang al-Quran pula memfokuskan aspek tilawah, kefahaman, dan hafazan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b). Ketiga-tiga aspek ini dilaksanakan agar pelajar dapat menghayati isi kandungan ayat-ayat suci al-Quran. Berikut merupakan contoh kandungan Kurikulum Standard Kolej Vokasional Pendidikan Islam pengajian al-Quran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b);

- a. Pelajar membaca ayat 35-41 surah Ibrahim dan mengamalkannya.
- b. Pelajar memberi rumusan terhadap ayat 31-41 surah Ibrahim dan mengamalkannya.
- c. Pelajar menghafaz ayat 40-41 surah Ibrahim dan mengamalkannya.

Oleh itu, kurikulum pengajian al-Quran ini dilaksanakan terhadap semua pelajar Muslim di kolej vokasional termasuklah pelajar pekak. Mereka membaca, memahami, menghafal sama seperti pelajar tipikal yang lain. Walau bagaimanapun, kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar pekak adalah berbeza. Ini adalah disebabkan ketidakupayaan mereka dari sudut pendengaran dan pertuturan. Keterbatasan ini menyebabkan mereka sukar untuk mendengar dan menyebut ayat-ayat suci al-Quran mengikut tajwid serta makhraj yang betul (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2020). Membaca al-Quran mengikut tajwid yang betul merupakan salah satu syarat yang amat dititik beratkan dalam meningkatkan kemahiran membaca al-Quran dengan lebih baik (Surul Shabudin Hassan dan Muhammad Azhar Zailani, 2015). Selain itu, menurut Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Zulkifli Mohd Yusoff, dan Nazean Jomhari (2018) bahawa pelajar pekak aliran vokasional ini juga sukar untuk memahami ayat-ayat suci al-Quran yang berbentuk seperti perkara-perkara ghaib, abstrak, dan sebagainya.

Oleh itu, pelaksanaan kurikulum pendidikan khas pendidikan Islam dalam bidang pengajian al-Quran perlulah sesuai dengan tahap keupayaan pelajar pekak itu sendiri. Secara langsung, ia dapat mendidik, membantu, dan menarik minat mereka dalam bidang pendidikan Islam pengajian al-Quran. Di samping dapat memenuhi kehendak dan tuntutan sebagai seorang Muslim untuk mempelajari ilmu al-Quran dengan lebih mendalam.

Kemahiran Pedagogi al-Quran Masalah Pendengaran

Pada masa kini, guru vokasional menghadapi pelbagai isu dan cabaran dalam mendidik pelajar di dalam kelas (Viji Ramamurthy, Norlidah Alias, & Dorothy DeWitt, 2020) terutamanya pelajar berkeperluan khas masalah pendengaran (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2020). Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Munir Ismail (2009), sebanyak 48.48% responden yang terdiri daripada golongan pekak sangat bersetuju bahawa guru agama masalah pendengaran masih kurang mempraktikkan dan mempelbagaikan kemahiran pedagogi di dalam kelas. Perkara ini juga

disokong oleh Nur Hannah Saari, Cila Umat, dan Kamarul Shukri Mat Teh (2013) dengan nilai skor min 3.36.

Selain itu, guru vokasional pendidikan khas masalah pendengaran juga masih kurang menguasai ilmu kemahiran bahasa isyarat (Madinah Mohd Yusof, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mahidin Awang Itam, 2017). Ini disokong dalam kajian Abdul Munir Ismail (2009); Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari, (2012) bahawa majoriti guru pendidikan Islam masalah pendengaran masih kurang menguasai kemahiran bahasa isyarat. Tambahan pula, perkhidmatan jurubahasa isyarat juga dalam pengajian agama masih kurang (Abdul Munir Ismail, 2009). Namun begitu, perkara sedemikian berlaku antaranya disebabkan guru-guru pendidikan Islam masalah pendengaran ditempatkan ke program yang bukan bidang. Sebagai contoh, guru opsyen pendidikan Islam pendidikan khas masalah pembelajaran ditempatkan ke program pendidikan khas masalah pembelajaran (Siti Muhibah Nor & Zetty Nurzuliana Rashed, 2018). Ini menjadi kekangan untuk mereka mengaplikasikan kemahiran pedagogi terhadap pelajar masalah pendengaran dengan lebih berkesan.

Menurut Spencer (2016), golongan pekak adalah mereka yang mempunyai ketidakupayaan pendengaran dan pertururan. Disebabkan ketidakupayaan ini, mereka sukar untuk memproses maklumat berbanding dengan pelajar tipikal yang lain. Bahasa isyarat merupakan bahasa utama yang digunakan oleh golongan pekak. Berdasarkan kajian Spencer dan Marschark (2010), sebanyak 90% ibu bapa normal yang memiliki anak masalah pendengaran juga tidak mempunyai kemahiran berbahasa isyarat. Ini memberi impak terhadap motivasi, pergaulan, tingkah laku (Madinah Mohd Yusof et al., 2017) dan pembelajaran mereka di sekolah (Marschark, Shaver, Nagle, & Newman, 2015).

Oleh itu, guru pendidikan Islam masalah pendengaran perlulah menguasai kemahiran pedagogi serta gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar pekak agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih optimum (Hamdi Ishak et al., 2012).

Kemahiran Asas Pelajar Pekak Aliran Vokasional

Kemahiran seperti membaca dan menulis merupakan kemahiran asas yang sangat penting dalam membentuk pengajian yang berkesan. Namun begitu, penguasaan kemahiran asas pelajar pekak aliran vokasional masih lemah seperti kemahiran membaca, menulis dan berfikir (Madinah Mohd Yusof et al., 2017). Hal ini juga menjadi kekangan terhadap pelajar pekak dalam memahami dan mengetahui ilmu-ilmu berkaitan dengan pendidikan Islam terutamanya pengajian al-Quran. Ini adalah kerana membaca al-Quran memerlukan kemahiran menyebut, membaca, menulis dan memahami ayat-ayat suci al-Quran.

Menurut Surul Shabudin Hassan dan Muhammad Azhar Zailani (2015), terdapat beberapa aspek yang perlu diambil perhatian dalam mempelajari ilmu bacaan al-Quran seperti kenal pasti cara sebutan, sifat-sifat huruf dan hukum-hukum tajwid yang terdapat di dalam al-Quran. Teknik sebutan makhraj huruf memerlukan deria pendengaran dan pertuturan. Seperti contoh pelajar perlu mendengar cara sebutan huruf hijaiyyah dan seterusnya menyebut huruf-huruf tersebut dengan betul. Namun begitu, pelajar pekak sukar mendengar, menyebut dan membaca al-Quran disebabkan ketidakupayaan pendengaran serta pertuturan mereka (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2020). Walau bagaimanapun, pelajar pekak berpotensi menyebut dan mengenal huruf-huruf *hijaiyyah* dengan baik (Heni Herlina, Martias, & Ganda Sumezar, 2013). Tetapi, ia memerlukan kaedah atau teknik yang sesuai dengan tahap keupayaan mereka. Ini adalah kerana mereka

mempunyai tahap pendengaran yang berbeza-beza seperti ringan, sederhana, dan teruk (Williams & Mayer, 2015).

Pengaplikasian Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Terhadap Pelajar Pekak

Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi amatlah penting dalam meningkatkan pengetahuan pelajar di dalam kelas sama ada pelajar normal mahupun pelajar berkeperluan khas seperti pelajar pekak. Berdasarkan kajian Nafiseh Alaghehband Ghadim, Norlidah Alias, Syar Meeze Mohd Rashid, dan Zulkifli Mohd Yusoff (2013), guru pendidikan Islam masalah pendengaran masih kurang mengaplikasikan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi di dalam kelas. Ini disokong oleh kajian Abdul Munir Ismail (2009) yang menunjukkan sebanyak 61.94% golongan pekak sangat bersetuju penggunaan bahan berbentuk teknologi masih kurang digunakan dalam program dan aktiviti yang berbentuk keagamaan.

Menurut Muhammad Sayuti Sabdan (2014); Zainuddin Ibrahim (2017), penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar pekak perlulah bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka. Selain itu, ia juga dapat menarik perhatian (Mich, Pianta, & Mana, 2013; Nikolaraizi, Vekiri, & Easterbrooks, 2013) dan meningkatkan kemahiran aras pelajar pekak seperti kemahiran membaca (Nur Fazliyah Mohd Khozam, 2013). Kajian yang dilaksanakan oleh Hurdich (2008) di salah sebuah sekolah di Florida menunjukkan peningkatan kemahiran kognitif pelajar pekak daripada 17% hingga 67% selepas menggunakan bahan teknologi di dalam kelas.

Terdapat juga beberapa kajian yang melibatkan bahan berbentuk teknologi dalam pendidikan Islam dan pengajian al-Quran untuk pelajar pekak seperti Koswer Pendidikan Islam Tunakerna (KOSPIT) (Ariffin Abdul Mutualib, Sharifah Nadia Syed Yahya, & Sohibatun Nur Abdul Salam, 2012), prototaip pembelajaran al-Quran (mFakih) (Azham Hussain, Nazean Jomhari, Fazillah Mohamad Kamal, & Normala Mohamad, 2014), prototaip jawi dan al-Quran (jFakih) (Azham Hussain, Norasyikin Abdul Mutualib, & Azman Yasin, 2014). Namun begitu, terdapat beberapa garis panduan yang perlu diambil perhatian dalam membentuk pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang berkesan seperti pemilihan tajuk, isi kandungan dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar pekak itu sendiri (Yahya O. Mohamed Elhadji, 2012).

Teori Asas Kemahiran Pengajaran Al-Quran Pelajar Berkeperluan Khas Penglihatan

Pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi murid keperluan khas terutamanya pelajar pekak memerlukan kaedah dan teknik yang bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka. Menurut Muhammad Sayuti Sabdan et al. (2020); Norakyaree Mohd Raus (2019), antara kaedah dan eknik yang sesuai diaplakasikan kepada pelajar berkeperluan khas ialah *tikrar* (berulang-ulang), latih tubi dan *talaqqi musyafaha*. Menurut Norakyaree Mohd Raus (2019), terdapat empat fasa dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar berkeperluan khas iaitu kenal, hafal, baca, dan terangkan makna al-Quran. Oleh itu, berdasarkan kajian ini penyelidik lebih memfokuskan kepada tiga aspek iaitu mengenal (surah fatihah, al-Ikhlas, al-Falaq, dan al-Nas), menghafal (surah fatihah, al-Ikhlas, al-Falaq, dan al-Nas), dan membaca (menggunakan bahasa isyarat (surah fatihah, al-Ikhlas, al-Falaq, dan al-Nas) untuk pelajar pekak aliran vokasional.

PERBINCANGAN

Terdapat empat isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam pengajian al-Quran masalah pendengaran dalam melibatkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran untuk pelajar

pekkak aliran vokasional. Isu yang pertama ialah pelaksanaan Kurikulum Standard Kolej Vokasional Pendidikan Islam masalah pendengaran. Kurikulum ini memfokuskan kepada aspek tilawah, kefahaman, dan hafazan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b). Walau bagaimanapun, pelaksanaan kurikulum ini bersifat umum iaitu ia dilaksanakan terhadap pelajar normal dan pelajar berkeperluan khas seperti pelajar pekkak. Kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran al-Quran untuk pelajar pekkak aliran vokasional memerlukan kaedah yang berbeza berbanding dengan pelajar tipikal (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2020). Ini adalah kerana mereka mempunyai ketidakupayaan dari sudut pendengaran dan pertuturan.

Isu yang kedua ialah berkenaan dengan penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan guru pendidikan khas pendidikan Islam pengajian al-Quran. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa guru agama berkeperluan khas masih kurang menguasai kemahiran pedagogi (Abdul Munir Ismail, 2009; Hamdi Ishak et al., 2012; Nur Hannah Saari et al., 2013). Antara sebab perkara ini berlaku adalah majoriti guru tersebut bukan dalam bidang. Sebagai contoh, guru pendidikan khas masalah pembelajaran mengajar opsyen pendidikan khas masalah pendengaran (Siti Muhibah Nor & Zetty Nurzuliana Rashed, 2018).

Seterusnya ialah isu yang ketiga iaitu kemahiran asas pelajar pekkak aliran vokasional. Mereka mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca, menulis, dan berfikir yang lemah (Madinah Mohd Yusof et al., 2017). Ketiga-tiga kemahiran ini amatlah penting dalam membentuk kognitif yang lebih tinggi. Malah, kemahiran tersebut adalah amat dititikberatkan dalam penguasaan bacaan, hafalan, dan kefahaman ilmu al-Quran dengan lebih berkesan (Norakyairee Mohd Raus, 2019).

Isu yang terakhir adalah berkaitan dengan pengaplikasian bahan bantu mengajar berasaskan teknologi terhadap pelajar pekkak vokasional di dalam kelas. Penggunaan bahan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru pendidikan Islam pendidikan khas masalah pendengaran masih kurang diaplikasikan (Abdul Munir Ismail, 2009; Nafiseh Algheband Ghadim et al., 2013). Pelajar berkeperluan khas terutamanya pelajar pekkak memerlukan bahan teknologi yang berbentuk visual. Penggunaan bahan teknologi di dalam kelas dapat menarik minat dan membantu meningkatkan pengetahuan pelajar pekkak (Hurdich, 2008; Mich et al., 2013; Nikolaraizi et al., 2013; Nur Fazliyah Mohd Khuzam, 2013).

Oleh yang demikian, penyelidik berpandangan bahawa kaedah yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran untuk pelajar pekkak adalah berdasarkan teori asas kemahiran pengajaran al-Quran untuk pelajar berkeperluan khas masalah penglihatan. Tiga aspek yang ditekankan adalah mengenal, menghafal, dan membaca (Norakyairee Mohd Raus, 2019).

KESIMPULAN

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, pelajar pekkak aliran vokasional berpotensi menguasai dan mempelajari al-Quran dengan lebih baik. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa pelajar pekkak mampu mengenal, membaca atau menyebut ayat suci al-Quran. Namun begitu, beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak adalah guru pendidikan Islam masalah pendengaran termasuklah pengaplikasian kaedah pedagogi di dalam kelas. Pengaplikasian pedagogi perlulah sesuai dengan tahap keupayaan pelajar pekkak itu sendiri. Secara tidak langsung, ini dapat membantu mereka meningkatkan lagi tahap kemahiran membaca dan menulis. Tambahan pula, penggunaan bahan berbentuk teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran mampu menarik minat dan membantu pelajar pekkak aliran vokasional mengenal, menghafal dan membaca ayat-ayat suci al-Quran dengan lebih baik di samping dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail. (2009). *Dakwah kepada orang pekak*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Aslan. (2019). Sejarah perjalanan kurikulum pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam (TA'LIMUNA)* 8 (4), 29-45.
- Ariffin Abdul Mutalib, Sharifah Nadia Syed Yahya, & Sohibatun Nur Abdul Salam. (2012). Learning object for the hearing-impaired: design and development of Koswer Pendidikan Islam Tunekerna (KOSWET). In *Knowledge Management International Conference (KMICE) 4-6 Julai 2012*. Johor Baru: Johor.
- Azham Hussain, Nazean Jomhari, Fazillah Mohamad Kamal, & Normala Mohamad. (June, 2014). mFakih: Modelling mobile learning game to recite quran for deaf children. *International Journal In Islamic Application in Computer*, 2(2), 8-15.
- Azham Hussain, Norasyikin Abdul Mutalib, & Azman Yasin. (2014). jFakih: modelling mobile learning game. *International Conference In Computer and Information Sciences (ICCOINS)*, 3-5 Jun 2014 (pp. 1-6). Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Conventional Center.
- Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (masalah pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11-24.
- Heni Herlina, Martias, & Ganda Sumekar. (2013). Efektifitas metode al-bayan untuk meningkatkan kemampuan membaca huruf hijaiyah bagi anak tunarungu. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Khusus (E-Jupeku)*, 2(3), 682 - 691.
- Hurdich, J. (2008). Utilizing lifelike, 3D animated signing avatar characters for the instruction of k-12 deaf learners. In *Proceedings of the Exploring Instructional and Access Technologies Symposium National Technical Institute for the Deaf*. New York: United States of America.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019a). *Ambilan 2020 permohonan murid Tingkatan 1 & 4*. Diakses dari <https://epkhas.moe.gov.my/images/iklan.jpg>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Pendidikan Islam masalah pendengaran tahun dua*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019b). *Kurikulum Standard Kolej Vokasional Pendidikan Islam Sijil Vokasional Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019c). *Pengenalan pendidikan Islam pendidikan khas*. Diakses dari <https://www.moe.gov.my/pendidikan/khas/pendidikan-islam-dalam-pendidikan-khas/pengenalan>.
- Madinah Mohd Yusof, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mahidin Awang Itam. (2017). Kemahiran kebolehkerjaan individu masalah pendengaran dan implikasinya terhadap program pendidikan. *International Conference on Special Education In Southeast Asia Region 7th Series 2017, 21 January 2017*. Malang: Universitas Negeri Malang.
- Marschark, M., Shaver, D. M., Nagle, K. M., & Newman, L. A. (2015). Predicting the academic achievement of deaf and hard-of-hearing students from individual, household, communication, and educational factors. *Exceptional Children*, 81(3), 350-369.
- Masitah Hayati Mad Isa, & Suhaida Abdul Kadir. (2014). Kemahiran vokasional diperlukan pelajar pendidikan khas integrasi bermasalah pembelajaran sekolah menengah harian. *First Technical and Vocational Education International Seminar2014 (TVEIS 2014) 25 – 26 Ogos 2014*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mich, O., Pianta, E., & Mana, N. (2013). Interactive stories and exercises with dynamic feedback for improving reading comprehension skills in deaf children. *Computers & Education*, 65, 34-44.
- Mohd Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan kelas kemahiran al-Quran di Malaysia: satu analisis. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 47-58.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Zulkifli Mohd Yusoff, dan Nazean Jomhari. (2018). Kaedah andragogi pendidikan al-Quran bagi golongan pekak dewasa. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2 (Special Issue), 405-418.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, & Nazean Jomhari. (2020). Keperluan pembangunan modul pedagogi surah al-Fatihah dan tiga Qul berasaskan teknologi untuk pelajar pekak di kolej vokasional. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 13-26.
- Muhammad Sayuti Sabdan. (2014). *Penilaian penggunaan kaedah Fakih berdasarkan teknologi dan gaya pembelajaran bagi murid pekak*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nafiseh Alaghehband Ghadim, Norlidah Alias, Syar Meeze Mohd Rashid, & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. (2013). Mother's perspective toward al-Quran education for hearing impaired children in Malaysia. *The Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 1(4), 26-30.
- Nikolaraizi, M., Vekiri, I., & Easterbrooks, S. R. (2013). Investigating deaf students' use of visual multimedia resources in reading comprehension. *American annals of the deaf*, 157(5), 458-474.
- Nor 'Aziah Mohd Daud. (2012). *Kaedah mudah pelajari al-Quran bagi OKU: Fakih al- Quran hadiah buat golongan istimewa*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research.
- Norakyairee Mohd Raus. (2019). *Amalan pengajaran al-quran dalam kalangan guru pendidikan Islam sekolah kebangsaan pendidikan khas (penglihatan) di Malaysia*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlidah Alias. (2010). *Pembangunan modul pedagogi berasaskan teknologi dan gaya pembelajaran Felder-Silvermen kurikulum Fizik Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nur Fazliyah Mohd Khozam. (2013). *Penghasilan perisian multimedia interaktif dan kesesuaianya sebagai Alat dan Bantu Mengajar (ABBM) bagi pelajar Pendidikan Khas Vokasional Kursus Pemasangan Motosikal*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nur Hannah Saari, Cila Umat, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2013). Factors affecting the learning of the holy Quran among severely and profoundly hearing-impaired children with a cochlear implant. *Journal of Humanities and Social Science (JHSS)*, 2(1), 85-92.
- Sahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Sidik Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui ilmu dunia*. Shah Alam: Karya Bestrai Sdn. Bhd.
- Siti Muhibah Nor & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunah Education and Special Needs*. 1(1), 2590-3799.
- Spencer, P. E. (2016). *It seems like only yesterday. The Oxford handbook of deaf studies in language: Research, policy and practice*. New York: Oxford University Press.
- Spencer, P. E., & Marschark, M. (2010). *Evidence-based practice in educating deaf and hard-of-hearing students*. New York: Oxford University Pres.
- Surul Shabudin Hassan, & Muhammad Azhar Zailani. (2015). Bentuk-bentuk kesalahan bacaan

- al-Quran pelajar di sebuah IPTA. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1-9.
- Viji Ramamurthy, Norlidah Alias, & Dorothy DeWitt. (2020). Technical communication in malaysian skill-based institutions: the need for pedagogical evolution. *Journal of Issue In Education*, 43.
- Williams, C., & Mayer, C. (2015). Writing in young deaf children. *Review of Educational Research*, 630-666.
- Yahya O. Mohamed Elhadji. (2012). Multimedia Educational Content for Saudi Deaf. *Neural Information Processing* (hlm. 164-171). Springer Berlin Heidelberg.
- Zainuddin Ibrahim. (2017). *Pembangunan modul pembelajaran seni reka grafik berdasarkan teknologi dan gaya pembelajaran pelajar bermasalah pendengaran*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zulfadhli Zafik, & Jawiah Dakir. (2014). Bimbingan dan kaunseling Islam terhadap Muallaf. Dalam Siti Rugayah Tibek, Fariza Md Sham, & Muhammad Hilmi Jalil, *Pembangunan dakwah Muallaf* (hlm. 37-42). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.